

1.0 PENGENALAN

Konsep pembangunan modal insan kebelakangan ini diberi penekanan yang amat serius sejajar dengan perancangan negara kita dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam bidang sains dan teknologi. Dalam membentuk modal insan cemerlang tersebut, sistem pendidikan negara memainkan salah satu peranan yang amat penting. Ianya adalah bagi mencorakkan budaya pembelajaran berkesan bagi semua masyarakat amnya, dan juga generasi hari ini dan akan datang khususnya.

Justeru, bagi melaksanakan sistem pendidikan yang baik dan berkesan, satu garis panduan telah digubal dan digunapakai oleh semua lapisan masyarakat negara ini. Garis panduan ini meliputi segala istilah, pemikiran serta prinsip berkaitan dengan bidang pendidikan di negara kita. Ia juga menggabungkan segala matlamat, dasar-dasar dan amalan-amalan pendidikan sebagai sesuatu yang bersifat keseluruhan, tekal, jelas dan logik. Garis panduan yang dinyatakan ini ialah Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang telah digubal berdasarkan dokumen-dokumen dasar dan ideologi negara. Falsafah Pendidikan Negara digunapakai sejak tahun 1988 dan kini, Falasah Pendidikan Negara telah dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam tugas kerja kursus pendek ini, pelajar dikehendaki untuk menghasilkan sebuah esei pendek bagi menghuraikan perkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dalam Sistem Pendidikan Negara ini. ini termasuklah dengan menghuraikan konsep serta matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Selain itu, pelajar hendaklah menerangkan faktor-faktor pembentukan dan elemen-elemen yang terkandung dalam FPK di samping menilai dan memberikan beberapa cadangan serta rumusan tentang implikasi FPK dalam Sistem Pendidikan Negara.

2.0 KONSEP DAN MATLAMAT FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Sebelum kita terus merujuk kepada konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan, marilah kita salami dahulu apakah yang dimaksudkan dengan falsafah itu sendiri. Falsafah dalam bahasa Inggeris iaitu *philosophy* berasal dari dua perkataan Yunani, iaitu *Philien* (yang bermakna mencintai) dan *Sophia* yang bermakna (kearifan atau kebijaksanaan). Falsafah juga merupakan satu bentuk pemikiran dan pandangan yang benar, rasional dan bernas. Pemikiran yang dihasilkan berasaskan kepada cara saintifik, sistematik dan logik.

Dalam erti kata lain, falsafah merupakan satu bentuk pemikiran yang menilai sesuatu fakta, menganalisis fakta tersebut, memberi interpretasi, meletakkan kepentingan dan kemudian mempertimbangkan semua fakta tersebut untuk amalan dalam kehidupan (Sharifah Alawiyah, 1984). E.D Miller, dalam bukunya, *Question That Matter* (1984), mengtafsirkan falsafah itu sebagai usaha memikir secara rasional, relevan dan kritis atas perkara-perkara penting. Maka dengan itu, falsafah pendidikan bolehlah diertikan sebagai usaha memikir secara rasional dan kritis atas pendidikan. Tuntasnya, kedua-dua ahli falsafah ini berpendapat bahawa falsafah pendidikan melibatkan suatu bentuk prinsip atau fakta yang berkaitan dengan pemikiran rasional, iaitu boleh diterima akal fikiran kita. Ia mempunyai kepentingannya yang tersendiri untuk masyarakat yang mengamalkan falsafah tersebut.

Falsafah pendidikan bererti satu pedoman, arah tuju atau pandangan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Ia juga meliputi satu garis panduan untuk melaksanakan matlamat pendidikan yang telah ditetapkan oleh sesebuah negara itu. Justeru, Falsafah Pendidikan Kebangsaan bolehlah dianggap sebagai satu aktiviti pendidikan yang dapat mencerminkan pemikiran dan hasrat sesebuah masyarakat atau negara. Aktiviti yang dimaksudkan ialah isi kandungan atau panduan yang telah dirangka dan digubal dalam falsafah tersebut untuk diamalkan oleh masyarakat negara

ini.. Secara am, Falsafah Pendidikan Kebangsaan bertujuan untuk menjelaskan secara rasional amalan-amalan pendidikan terkini serta membimbing tindakan dan trend pendidikan masa depan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1982).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi panduan bagi semua aktiviti pendidikan di Malaysia umumnya. Dengan adanya Falsafah Pendidikan Kebangsaan, maka sistem pendidikan negara sebenarnya menderap satu langkah ke kedudukan yang menjurus ke hadapan dengan mengungkapkan secara jelas dan tepat prinsip serta nilai-nilai asas. Prinsip dan nilai asas inilah yang mendasari dan membentuk setiap sistem pendidikan di Malaysia. Ini termasuklah daripada peringkat yang paling rendah hingga kepada peringkat tertinggi iaitu daripada sekolah rendah hingga ke peringkat universiti.

Satu konsep asas yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah tentang ilmu, nilai ilmu dan peranan ilmu dalam pembangunan insan dan masyarakat. Nilai ilmu terletak pada kebenaran kandungan yang berfungsi bukan sahaja untuk memaklumkan dan menerangkan kepada manusia akan sesuatu, tetapi lebih penting lagi ilmu mempengaruhi, mengubah dan membentuk diri serta masyarakat manusia. Fungsi ilmu yang boleh mengubah manusia dan masyarakat inilah yang menjadikan sesuatu yang amat tinggi nilainya. Pendidikan ialah satu proses dan aktiviti sepanjang hayat dan manusia sentiasa berada dalam keadaan memerlukan perluasan, pendalaman dan pengesahan kepada ilmu yang ada. Pengalaman bukan sahaja boleh memperkaya dan mengukuhkan ilmu tetapi juga mencabar dan mengubah ilmu yang sedia ada pada manusia.

Falsafah pendidikan perlu selari dengan matlamat pendidikan yang menjadi teras ideologi dan aspirasi masyarakat di sesebuah negara. (Mohd Kassim Jaafar dan Mohd Mohiddin bin Sulaiman, 2001). Matlamat pendidikan negara kita akan menjadi

lebih jelas, mantap, bermakna dan akhirnya sempurna apabila unsur-unsur pendidikan yang tersirat dalam ideologi yang telah dinyatakan dan aspirasi masyarakat dijemakan dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh yang demikian, matlamat pendidikan dan segala bentuk pembaharuan dalam Sistem Pendidikan Negara akan tercapai sekiranya mengikut garis panduan Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta menjadikannya sebagai penanda aras. Matlamat pendidikan di Malaysia ialah melahirkan insan yang baik dan sempurna supaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab sesuai dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjelaskan tujuan dan matlamat pendidikan daripada unit terkecil hingga terbesar iaitu daripada setiap individu, kemudian masyarakat dan seterusnya negara kita. Tujuan utamanya selaras dan selari, iaitu untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab yang juga akan menjadi seorang warganegara yang baik dalam mewujudkan modal insan buat negara tercinta kita. Pendidikan merupakan proses asas dan utama untuk pembinaan insan yang baik, seimbang dan bersepadu yang secara langsung merupakan saluran utama dan yang paling penting untuk menjayakan hasrat dan cita-cita negara.

Terdapat beberapa cabang dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diutamakan dan ditekankan kepada masyarakat berpendidikan negara ini. Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan suatu rencana dalam menjadikan pendidikan suatu usaha berterusan. Ini bermaksud proses pemerolehan dan pemindahan pengetahuan, nilai murni, dan kemahiran berlaku berterusan bermula dari kecil sehingga akhir hayat. Pada pendapat saya, pendidikan pembetulan asas peribadi seorang individu bermula di rumah. Ibubapa memainkan peranan penting membentuk serta membimbing anak-anak kearah berpendidikan dan sahsiah yang baik. Kemudian, barulah guru memainkan peranan penting di sekolah. Di sekolah, mereka mendapat pendidikan formal di mana pelajar mempelajari pelbagai matapelajaran, baik teras mahupun matapelajaran elektif. Di sini dapatlah disimpulkan bahawa proses pendidikan itu berlangsung berterusan

bermula dengan pelajaran di rumah, di sekolah dan selepas alam persekolahan atau ke peringkat yang lebih tinggi dalam usaha meningkatkan ilmu, kemahiran dan akhlak setiap individu atau pelajar itu sendiri.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan seterusnya bertujuan memperkembangkan potensi individu dan perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu. Sejak lahir, setiap individu memiliki pelbagai keupayaan dan bakat atau potensi dan semuanya tidak digunapakai atau masih terpendam. Oleh itu, pendidikan memainkan peranan utama bagi memperkembangkan potensi individu ke tahap cemerlang. Usaha tersebut perlu dirancang dan dilaksanakan secara teratur, teliti dan bersungguh-sungguh. Namun, setiap potensi perlu dihubungkan dengan potensi yang lain supaya semuanya berkembang secara tergabung dan saling berkaitan antara satu sama lain. Semua potensi yang ada juga dikembangkan secara bersepadu di atas suatu paksi atau panduan manusia iaitu prinsip ketuhanan, nilai kehidupan, kemahiran, pengetahuan dan nilai murni pula tidak boleh lari dan bertentangan dengan prinsip ketuhanan yang juga prinsip Rukun Negara yang pertama.

Ini sesuai dengan salah satu konsep yang paling penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah ini adalah falsafah mengenai manusia yang berasaskan kepercayaan kepada Tuhan dan agama. Matlamat pendidikan adalah untuk membangunkan semua aspek diri manusia secara harmonis dan seimbang supaya kesepaduan fitrah diri manusia terpelihara. Berilmu dan berpendidikan harus menghasilkan budi pekerti yang baik dan akhlak yang mulia yang sekali gus menjadi ciri-ciri asasi seorang ahli keluarga, masyarakat dan warganegara yang baik serta terdidik.

Ini juga bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dalam unsur intelek, unsur rohani, unsur emosi serta unsur jasmani . Seimbang bermaksud memberi tempat

yang wajar dan adil kepada semua keperluan hidup manusia secara sihat dan bersepadu. Manakala harmonis pula bermaksud keserasian dan kesesuaian antara unsur-unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam diri manusia. Oleh itu, keseimbangan dan keharmonian yang dapat dicapai melalui unsur-unsur ini ialah individu yang memiliki tingkah laku yang baik, berdisiplin dan bersopan santun, rakyat yang berakhlak mulia dimana mereka sentiasa menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan serta mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai yang baik dan buruk. Di samping itu, ini akan melahirkan masyarakat atau rakyat yang mempunyai kesedaran dan keyakinan terhadap kesan daripada perbuatan yang baik dan buruk.

Kesan daripada keseimbangan dan keharmonian juga, rakyat yang berilmu pengetahuan juga dapat dilahirkan. Rakyat ini amat mencintai ilmu pengetahuan dan sentiasa berusaha untuk mendapatkan, meningkatkan serta menyebarkan ilmu. Tidak lain daripada itu, mereka meletakkan ilmu sebagai keutamaan dalam kehidupan dan daripada itulah mereka menjalankan aktiviti kehidupan berasaskan ilmu pengetahuan. Mereka menghayati dan mengamalkan prinsip 'pendidikan sepanjang hayat'. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, produk yang berketerampilan, proaktif, kreatif dan produktif juga dapat dihasilkan. Rakyat ini cekap, berkebolehan, berkompentensi, tangkas dan efisien dalam menjalankan dan melaksanakan sesuatu kerja. Mereka menyedari setiap tugas dan tanggungjawab merupakan satu amanah bukannya bebanan dan semestinya mereka melaksanakan setiap tugas tersebut dengan komitmen yang tinggi.

Justeru, masyarakat yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri juga dapat dilahirkan. Mereka mempunyai kesihatan mental yang baik. Ini termasuklah fikiran yang waras, jiwa yang tenang dan emosi yang stabil. Secara keseluruhannya, rakyat yang terbina melalui FPK ini ialah rakyat yang memberi sumbangan terhadap keharmonian keluarga, masyarakat dan Negara. Mereka inilah yang sentiasa bekerja dan berusaha

memajukan sumber ekonomi keluarga dan Negara. Akhir sekali, mereka sentiasa mengawal dan menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dengan memupuk perpaduan, kesejahteraan dan kestabilan negara.

3.0 FAKTOR-FAKTOR PEMBENTUKAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Sememangnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan ditentukan oleh Perlembagaan Malaysia dan berlandaskan ideologi kebangsaan yang menerapkan Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Ketiga-tiga dasar yang telah digubal ini mempunyai tujuan utama yang sama iaitu merapatkan jurang antara kaum selain menguatkan dan mempertingkatkan perpaduan setiap masyarakat negara ini. Dalam sistem pendidikan, ketiga-tiga dasar ini memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Konsep identiti kebangsaan, perpaduan dan prinsip-prinsip ideologi kebangsaan adalah selaras dengan tujuan dan matlamat pendidikan negara kita. Justeru, segala prinsip untuk pembentukan, pelaksanaan dan perkembangan kurikulum adalah selaras dengan perkembangan fizikal, individu dan kognitif murid-murid.

Sehubungan dengan itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal secara rapi dan teliti oleh pakar-pakar pendidikan yang terpilih dengan mengambil kira seluruh aspek. Aspek-aspek ini termasuklah yang berkaitan dengan keperluan-keperluan individu, masyarakat dan negara. Untuk menggubal Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang boleh memberi panduan dan bimbingan yang manfaat kepada segala usaha pendidikan, beberapa faktor yang berkaitan hendaklah dipertimbangkan terlebih dahulu.

Menurut Mok Soon Sang:2000:89 antara faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan asas semasa menggubal Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah faktor

agama yang dianuti oleh rakyat negara kini, faktor sosial yang meliputi struktur masyarakat dan kebudayaannya, faktor politik yang menentukan ideologi negara, dan seterusnya mempengaruhi dasar pendidikan. Selain itu, faktor ekonomi yang mempengaruhi matlamat pendidikan dalam usaha membawa pembangunan dan kemajuan negara dan faktor individu yang berkaitan dengan keperluan-keperluan asas seperti keselamatan, perkembangan potensi dan penyempurnaan sendiri juga menjadi perkara yang diambil kira dalam pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Akhir sekali, faktor kesejagatan yang berkaitan dengan pandangan dan visi sedunia, perkembangan pendidikan antarabangsa dan keupayaan warganegara memberi sumbangan ke arah yang dapat membawa persefahaman antarabangsa juga mempengaruhi pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Seterusnya, mari kita lihat huraian tentang faktor-faktor yang membentuk Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pertamanya, faktor agama. Agama Islam ialah agama rasmi bagi negara Malaysia. Ini sudah termaktub di dalam Perlembagaan Negara kita. Namun demikian, agama-agama lain iaitu Kristian, Buddha, Hindu dan sebagainya juga bebas dianuti mengikut undang-undang negara. Agama-agama ini, khasnya agama Islam merupakan faktor yang penting sebagai pertimbangan asas dalam proses penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan(FPK). Ini selari dengan prinsip Rukun Negara kita, yang mana prinsip ketuhanan atau keagamaan memainkan peranan yang amat penting bagi mendapatkan kesejahteraan hidup.

Keduanya ialah faktor sosial. Masyarakat negara kita terdiri daripada berbilang kaum dan kita semua hidup bermasyarakat. Keharmonian dan kemakmuran negara bergantung kepada amalan dan nilai-nilai murni yang diperlukan dalam hidup bermasyarakat ini. Ini termasuklah sikap toleransi, bekerjasama, hormat-menghormati dan tolong-menolong antara satu sama lain. Sikap positif ini adalah amat penting dalam usaha mencapai perpaduan kaum yang merupakan kriteria yang paling penting untuk mewujudkan keadaan sosial yang stabil. Atas sebab inilah Falsafah pendidikan

Kebangsaan dibentuk dalam memenuhi keperluan pendidikan bagi membentuk amalan dan nilai-nilai murni dalam hidup bermasyarakat.

Faktor ketiga pula ialah faktor politik. Sebagaimana yang diketahui umum, Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubah berlandaskan kepada ideologi negara yang dicerminkan dalam dokumen-dokumen rasmi seperti Laporan Pendidikan, Rancangan Malaysia dan Rukun Negara. Di dalam usaha membentuk ideologi negara, pengaruh politik memainkan peranan penting dalam penentuan dasar pendidikan negara. Tuntasnya, matlamat pencapaian perpaduan kaum yang merupakan matlamat utama setiap dasar-dasar ini menjadi pertimbangan asas dalam penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maka dengan itu, diharapkan dengan teguhnya falsafah ini, ianya dapat mencapai perpaduan antara kaum di Malaysia.

Seterusnya, kita beralih pula kepada faktor keempat iaitu faktor ekonomi. Cita-cita memperkembangkan ekonomi Malaysia telah menjadi salah satu matlamat pendidikan negara yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, terdapatnya matlamat untuk melahirkan individu yang dapat memberi sumbangan kepada keharmonian dan kesejahteraan negara. Rakyat Malaysia yang terlatih dalam pelbagai kemahiran dapat membantu negara memperkembang ekonomi dengan meningkatkan daya pengeluarannya. Jelas membuktikan bahawa dengan faktor ekonomi iaitu dengan cita-cita bagi menjadikan ekonomi negara kita berkembang pesat setaraf dengan negara-negara luar menjadi salah satu faktor utama pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Faktor seterusnya pula ialah faktor individu. Proses pendidikan memainkan peranan paling utama dalam memperkembang potensi setiap individu. Potensi individu ini meliputi aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Insan yang seimbang dan harmonis sentiasa mengamalkan sikap bersyukur, sentiasa menikmati ketenteraman

jiwa serta bersedia menghadapi cabaran hidup dengan tenang. Individu seperti inilah yang menjadi dambaan dan dikehendaki negara dalam menghadapi globalisasi dunia yang kian mencabar kini. Ini merupakan pernyataan utama dalam kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tegasnya, faktor bagi melahirkan individu seperti inilah yang menjadikan sebuah falsafah pendidikan.

Faktor yang terakhir ialah faktor kesejagatan. Penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak terpisah daripada pengaruh perkembangan sistem pendidikan antarabangsa. Ini adalah kerana kita tidak mahu ketinggalan dan masih di takuk system pendidikan yang sama sepanjang zaman. Sehubungan itu, idea-idea yang dihasilkan daripada seminar pendidikan antarabangsa pula membawa pengaruhnya ke atas Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Faktor sejagat yang berkaitan dengan pandangan dan visi sedunia, perkembangan pendidikan antarabangsa dan keupayaan warganegara memberi sumbangan ke arah yang dapat membawa persefahaman antarabangsa. Selain itu juga, sistem pendidikan dapat mengadaptasi mana-mana perkembangan pendidikan semasa di samping dapat membaikpulih sistem pendidikan. Misalnya, program pendemokrasian pendidikan, pensarwajagatan pendidikan dan pendidikan seumur hidup yang dirancang oleh UNESCO 1980-an.

4.0 ELEMEN-ELEMEN YANG TERDAPAT DALAM FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengandungi lebih daripada 10 elemen di dalamnya iaitu kira-kira 14 elemen penting. Elemen-elemen inilah yang bergabung dan bersatu sehingga akhirnya membentuk sebuah falsafah atau garis panduan yang digunapakai dalam sistem pendidikan di negara kita. Elemen-elemen ini masing-masing

mempunyai maksud-maksudnya yang tersirat. Mari kita lihat dengan lebih jelas maksud elemen-elemen tersebut seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan berikut :

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara."

Elemen pertama yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah **pendidikan adalah suatu usaha berterusan**. Ini bermaksud pendidikan merupakan satu proses pemorelahan dan pemindahan ilmu serta kemahiran dan nilai murni yang berlaku secara berterusan dari kecil sehinggalah ke akhir hayat. Jadi, pendidikan yang bermula dari awal kanak-kanak amatlah penting. Ini adalah untuk membentuk asas sahsiah kanak-kanak dalam lingkungan umur antara satu hingga enam tahun. Sahsiah yang dibentuk kemudiannya akan terus berkembang sepanjang tempoh persekolahan. Apabila tamat persekolahan, setiap individu masih juga perlu untuk meneruskan peningkatan ilmu, kemahiran dan akhlak mereka. Oleh itu, proses pendidikan yang berterusan ini mampu untuk membantu individu menyesuaikan diri dengan pelbagai perubahan.

Seterusnya elemen **perkembangan potensi individu** pula bermaksud setiap individu telah pun dianugerahkan bakat, potensi dan kebolehan yang mungkin terpendam dan tidak diperkembangkan. Oleh itu, bakat, potensi dan kebolehan ini sebenarnya dapat dicungkil, dipupuk atau dikembangkan lagi bagi menyerlahkannya. Bakat, potensi dan kebolehan seseorang individu itu boleh dijelmakan dan diserlahkan

melalui interaksi sosial dengan orang lain dan alam sekeliling. Dengan cara ini, organisasi social tersebut dapat mengesan dan memperkembangkan lagi potensi individu tersebut ke peringkat yang lebih baik. serta Oleh sebab itu, setiap individu perlukan pendidikan kerana pendidikan boleh memperkembangkan lagi bakat, potensi dan kebolehan mereka. Maka dengan bakat tersebut, individu dapat menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran hidup.

Elemen **perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu** pula bermaksud bakat, potensi dan kebolehan tidak boleh dikembangkan secara berasingan sebaliknya perlu dihubungkan atau diselaraskan bagi mengelakkan pertentangan antara satu sama lain. Sekurang-kurangnya, perkembangan bakat, potensi serta kebolehan mestilah merangkumi keempat-empat aspek iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Elemen seterusnya pula ialah elemen **insan yang seimbang dan harmonis**. Elemen ini bermaksud setiap individu mestilah mempunyai ilmu (intelek), sahsiah yang baik (emosi), percaya kepada tuhan serta mempunyai akhlak yang terpuji (rohani) serta kesihatan diri yang baik (jasmani). Keempat-empat aspek tadi perlulah seimbang untuk menghasilkan individu yang mampu hidup secara harmonis bukan sahaja dengan dirinya sendiri, malah juga dengan orang lain. Individu seperti ini tidak akan mempunyai sebarang masalah dan individu ini juga memiliki ketahanan fizikal dan mental dalam menempuh apa juga cabaran kehidupan dan mampu menghadapi serta menyelesaikan pelbagai masalah dengan baik.

Seterusnya, **unsur intelek** juga menjadi elemen penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Unsur intelek bermaksud mempunyai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Selain itu, setiap individu mestilah sentiasa berusaha untuk mengembangkan lagi ilmu yang benar yang telah dipelajari. Unsur intelek juga ialah mempunyai pelbagai kemahiran dalam berfikir iaitu secara kreatif, kritis, kritikal dan reflektif. Individu perlu berkongsi ilmu dengan orang lain dan persekitarannya untuk

terus memastikan kemajuan dalam keluarga, masyarakat dan negara dan bagi menyebarkan lagi ilmu yang telah dipelajari.

Elemen seterusnya pula ialah **unsur rohani**. Salah satu unsur rohani ialah menyedari dan percaya kepada Tuhan. Ini adalah selari dengan prinsip Rukun Negara yang mesti ditepati oleh setiap rakyat di negara ini. Setiap agama menggalakkan umatnya melakukan perkara yang baik dan menjaga akhlak. Kita sebagai hamba-Nya hendaklah sentiasa bersyukur dengan pemberian Tuhan dengan menghargai nikmat tersebut dan tidak merungut-rungut. Kita juga hendaklah berpegang dengan nilai-nilai murni supaya dipandang tinggi oleh seluruh masyarakat luar dan dalam khasnya. Kita dilarang melakukan perkara-perkara yang keji dilarang agama. Dengan adanya unsur rohani dalam diri setiap individu, maka kita dapat mencapai kecemerlangan di dunia juga di akhirat

Unsur emosi juga menjadi salah satu elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan kita. Maksudnya ialah setiap individu mempunyai emosi yang matang dan stabil. Emosi yang baik dan terjaga ini dapat menjana kehidupan yang aman damai. Implikasi emosi yang stabil ini juga ialah individu dapat memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang sesama insan. Maka apabila kehidupan yang aman damai dan kasih sayang antara sesama insan dapat diwujudkan, semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini dapat dicapai. Mempunyai sifat kekitaan dan perpaduan amatlah penting bagi mengeratkan serta mengukuhkan lagi kekuatan masyarakat kita yang berbilang kaum dan bangsa.

Elemen yang berikutnya pula ialah **unsur jasmani**. Unsur ini ialah menyedari tentang kepentingan kesihatan fizikal yang seharusnya ada pada setiap individu di negara kita. Setiap individu juga mestilah berupaya mengembangkan bakat dan kemahiran teknikal, manipulatif dan sosial. Selain dapat melahirkan individu yang mempunyai kesihatan fizikal yang baik, individu yang mempunyai kesihatan mental

yang kukuh juga dapat dihasilkan. Sesuai dengan pepatah, 'badan sihat, minda cergas'. Maka dengan menggunakan kemahiran kecergasan fizikal dan mental ini, ia dapat memanfaatkan masyarakat.

Selain itu, **kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan** juga merupakan satu elemen yang amat penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kita mesti mengakui tentang kewujudan Tuhan dan mengakui bahawa Tuhan sebagai pencipta manusia dan alam. Manusia juga perlu menyedari bahawa manusia diciptakan untuk tujuan memakmurkan alam. Selain itu, kita juga mesti menyedari bahawa setiap fenomena alam merupakan peraturan yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Setiap individu mesti bertanggungjawab ke atas segala perbuatan dan tindakannya. Oleh itu, manusia perlu meningkatkan dan mengukuhkan kepercayaan beragama. Setiap individu juga mesti mengamalkan setiap ajaran agama yang dianutinya serta melakukan kebaikan dan menghindari kejahatan.

Seterusnya, kita beralih pula kepada elemen **rakyat Malaysia yang berilmu tinggi**, Setiap individu mestilah menyintai ilmu pengetahuan. Jika kita cinta akan ilmu, kita akan berminat untuk menuntut pelbagai ilmu dan berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan kerana ilmu itu sangat luas.

Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, terdapat juga elemen **rakyat Malaysia yang berketerampilan**. Berketerampilan bermaksud mempunyai kecekapan dan kompetensi diri serta berkebolehan untuk menjalankan tugas dengan sempurna. Setiap individu yang berketerampilan juga memiliki ilmu pengetahuan, berkemahiran tinggi dan mempunyai kelayakan yang sesuai dalam pelaksanaan tugas. Individu ini menjalankan tugasnya dengan penuh dedikasi, cekap dan sempurna. Berketerampilan boleh dipupuk dalam setiap diri individu jika mempunyai kekuatan dalam intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Rakyat Malaysia yang berakhlak mulia juga menjadi elemen Falasafah Pendidikan Kebangsaan. Berakhlak mulia ialah mempunyai perwatakan diri yang baik dan berpegang kepada nilai-nilai murni dan moral sebagai prinsip hidup. Individu berakhlak mulia menghayati nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan. Oleh yang demikian, individu ini memahami nilai baik dan buruk serta menyedari akan kesan atas perbuatan baik dan buruk. Seterusnya, memberikan kesan kepada kehidupan seharian. Maka untuk itu, untuk memastikan kita hidup dalam masyarakat yang harmoni dan bersepadu, nilai-nilai moral yang baik perlu untuk menjamin masa depan negara.

Di samping itu, elemen **rakyat Malaysia yang bertanggungjawab** juga menjadi elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bertanggungjawab bermaksud boleh dipercayai serta menyedari bahawa setiap tugas dan tanggungjawab merupakan amanah dan harus dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Setiap individu perlulah menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah di samping sentiasa mempertingkatkan daya pengeluaran. Sebagai rakyat Malaysia, kita mesti menjalankan tanggungjawab kita dan mematuhi rukun negara. Contohnya mematuhi undang-undang ataupun peraturan yang telah digubal oleh kerajaan.

Elemen seterusnya pula ialah **elemen rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara** merupakan elemen yang penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kita sebagai rakyat Malaysia perlu berfikiran waras dan berjiwa tenang serta tubuh badab yang sihat bagi menghadapi cabaran hidup yang semakin mencabar. Individu ini mempunyai daya ketahanan dan kesabaran sendiri yang kuat untuk menghadapi cabaran, masalah dan rintangan hidup. Setiap individu juga perlu berusaha untuk memupuk perpaduan rakyat melalui sifat toleransi, bertimbang rasa, kekitaan, hormat-menghormati dan bertolak ansur bagi mengukuhkan lagi perpaduan sesama rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini. Untuk

memberi sumbangan terhadap keharmonian negara kita perlu berusaha untuk memajukan ekonomi Negara dengan menggunakan sains dan teknologi serta ICT dengan landasan yang betul. Selain itu, kita perlu mengekalkan kestabilan politik dengan sikap toleransi yang menebal dan semangat kerjasama yang padu serta mematuhi perlembagaan dan peraturan negara.

5.0 IMPLIKASI FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DALAM SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Kemunculan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sememangnya akan membawa kesan atau implikasinya kepada sistem pendidikan di negara kita. Pertama-tamanya, selepas penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1988, ia menjadi satu dokumen rasmi kerajaan yang amat penting. Ia menggariskan matlamat kerajaan terhadap sistem pendidikan negara kita. Maka dengan itu, setiap masyarakat amnya, dan setiap warga pendidik menjadikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai salah satu garis panduan dalam sistem pendidikan negara ini.

Utamanya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan memberikan implikasi terhadap kurikulum yakni kurikulum di sekolah akan mengalami perubahan iaitu selaras dengan cita-cita dan tujuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini meliputi perubahan sukatan pelajaran yang berorientasikan kepada program bersepadu, perubahan bahan-bahan pelajaran yang mengutamakan nilai-nilai murni yang mana akan diserapkan dalam semua mata pelajaran. Disamping itu juga, kurikulum di sekolah akan mengalami perubahan program pendidikan yang berorientasikan ke arah pendidikan umum. Sebagai contoh, sistem pendidikan yang tertumpu kepada perkauman kepada sistem pendidikan yang melibatkan pengetahuan dan pendidikan kesejagatan. Selain itu, sukatan pelajaran akan berubah di mana sukatan pelajaran yang sesuai akan digubal untuk melatih kemahiran pelajar dalam bidang vokasional dan teknologi. Ini hendaklah

selari dengan kemajuan teknologi kini yang semakin berkembang dan menyusuri arus modernisasi.

Selain daripada itu, untuk menjalankan tugas sejajar dengan tujuan dan dasar Falsafah Pendidikan Kebangsaan, sikap dan profesionalisme warga pendidik iaitu para guru akan mengalami perubahan. Ini termasuklah perubahan sikap peribadi pendidik sendiri dengan pandangan dan visi yang positif terhadap tugasnya untuk merealisasikan tujuan dan cita Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sikap profesional dengan mengubah strategi dan teknik pengajaran tenaga pengajar yang sesuai untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan serta berakhlak mulia juga akan berubah selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Institut pendidikan umumnya juga akan mengalami perubahan dengan terjalannya hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Organisasi sekolah akan lebih ke arah mewujudkan situasi yang sesuai untuk melahirkan pelajar-pelajar mengikut tujuan dan cita Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kemudahan dan fasiliti akan dinaiktaraf supaya pelajar-pelajar mendapat peluang mengembangkan potensi mereka dari segi rohani, jasmani, emosi dan social secara menyeluruh dan seimbang. Aktiviti budaya sekolah juga akan menjadi lebih kondusif bagi memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Iklim sekolah juga akan semakin kondusif bagi melahirkan pelajar-pelajar yang cinta akan ilmu dan seterusnya membentuk budaya membaca dalam kalangan mereka.

6.0 RUMUSAN

Dalam era globalisasi yang kian mencabar dan melalui arus-arus modenisasi, konsep pembangunan modal insan amat ditekankan sebagai satu usaha menjadikan negara kita, Malaysia maju, yakni setaraf dengan negara-negara luar. Ini termasuklah demi pembangunan sejagat dalam bidang sains dan teknologi berdasarkan acuan sendiri serta selari dengan hasrat Wawasan 2020 yang pernah diwar-warkan oleh mantan Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir Mohamad satu masa dahulu. Kita amat bertuah kerana tidak lama dahulu iaitu pada tahun 1988, tergubalnya sebuah garis panduan yang diberi nama Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini kerana oleh sebab falsafah inilah yang membentuk sistem pendidikan Negara seterusnya melahirkan anak-anak Malaysia yang berjaya. Sebagai contoh; Datuk Dr Sheikh Muzaphar Shukor, angkasawan pertama negara kita adalah antara produk sistem pendidikan negara kita.

Melalui penulisan tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah dibincangkan dalam tugas ini, dapatlah dirumuskan bahawa, sesebuah falsafah yang digubal dalam sistem pendidikan sesebuah negara memainkan peranan yang amat penting. Falsafah pendidikan menjadi satu pedoman, arah tuju dan pandangan terhadap perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Di dalamnya terkandung pelbagai hasrat untuk dilaksanakan yang menjadikan sistem pendidikan sebagai modus operandinya. Maka dengan itu, sistem pendidikan adalah dibina berdasarkan falsafah pendidikan.

Oleh yang demikian, dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan terkandungnya garis panduan yang menjelaskan arah tujuan sistem pendidikan negara kita. Ia menjadi panduan setiap aktiviti pendidikan. Ia tidak lepas dari menjadi cerminan pemikiran dan hasrat negara kita dalam melahirkan ciri-ciri individu yang dikehendaki oleh negara. Justeru, tidak hairanlah Falsafah Pendidikan Kebangsaan berpandangan jauh ke hadapan. Ini adalah kerana bagi memajukan, menaikkan serta meningkatkan kemajuan

negara di mata dunia. Asasnya, konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan kita adalah berteraskan kepada ilmu, nilai ilmu dan peranan ilmu dalam pembangunan insan dan masyarakat negara ini.

Sistem pendidikan negara kita mengalami anjakan paradigma dengan wujudnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Perubahan demi perubahan berlaku dari tahun ke tahun sebagai tujuan untuk menghasilkan peningkatan kuantiti produk-produk generasi baru yang berkualiti. Ini juga adalah kerana kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu sendiri yang bersifat menyeluruh, sejangat dan bermotivasi. Pada pendapat saya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan bersifat menyeluruh kerana melibatkan keempat-empat unsur dalam kehidupan kita. Unsur-unsur tersebut ialah rohani, jasmani, intelek dan sosial. Unsur-unsur inilah yang memantapkan kehidupan harmonis, seimbang dan cemerlang. Individu yang seimbang inilah dijamin dapat memaju ke arah kemajuan negara yang tiada taranya.

Tuntasnya, sebagai guru, kita memainkan salah satu penggerak utama bagi menjayakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sebagai arkitek sosial, guru mempunyai tanggungjawab besar, bukan sekadar memberi pendidikan dan menyampaikan ilmu semata-mata, malah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan transformasi pendidikan yang dicita-citakan negara. Transformasi pendidikan ini termasuklah dalam menjana modal insan cemerlang dan memupuk minda kelas pertama. Ini tidak lain tidak bukan, objektifnya ; untuk menjadikan masyarakat Malaysia satu masyarakat yang dipandang tinggi oleh masyarakat negara luar, seterusnya meletakkan negara kita sebaris atau duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Rusia, Korea dan lain-lain.

Kehadiran alaf baru yang diwarnai dengan kebangkitan revolusi maklumat dan multimedia, amat besar pengaruhnya terhadap penyebaran sistem maklumat. Ia bukan

saja memberi kesan terhadap pembinaan minda generasi muda, malah mencorakkan gaya hidup yang amat unik di kalangan mereka. Oleh yang demikian, sistem pendidikan hendaklah dijalankan beriringan dengan kemajuan sosial, politik dan ekonomi negara supaya insan yang dilahirkan oleh sistem pendidikan yakni guru-guru Malaysia adalah insan yang diidamkan oleh negara dan agama kita. Pendidikan tidak dibatasi dengan meletakkan guru sebagai fasilitator semata-mata. Konsep fasilitator dalam konteks budaya bestari mesti mampu menghubungkan kemajuan teknologi sebagai alat. Kandungan maklumat pula mesti mampu membangunkan sahsiah. Aspek keinsanan seperti hubungan guru dengan murid mesti dalam konteks guru sebagai model contoh yang memberikan imej teladan. Akhir sekali, diharapkan bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan inidapatlah menjadikan sistem pendidikan negara kita salah satu pendidikan yang tersohor di mata dunia.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahim M. Ali 2001, *Ilmu Pendidikan DPM :Pendidikan di Malaysia dan Psikologi Pendidikan*, Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd Cheras, Kuala Lumpur.

Choong Lean Keow PhD (2008), *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, Subang Jaya, Selangor.

Hasan Langgulung (1997) *Kreativiti dan Pendidikan, Suatu Kajian Psikologi dan Falsafah*, Kuala Lumpur: DBP.

Hj. Abdul Fatah Hasan (2001). *Pengenalan Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

ipgmalaysia.blogspot.com/.../elemen-elemen-falsafah-pendidikan.html [5 Februari 2010]

Mok Soon Sang (2009), *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*, Penerbitan Multimedia Sdn Bhd, Puchong, Selangor.

Malaysia Kita, 2007. *Panduan Dan Rujukan Untuk Peperiksaan Am*, PetalingJaya: International Law Book Services.

Mok Soon Sang (2008), *Psikologi Pendidikan*, Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., Puchong.

Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Sharifah Alwiah Alsagoof (1984), *Falsafah Pendidikan*, Heineman Educational Books, Petaling Jaya.

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1996), *Pengisian Wawasan Pendidikan 1993-1995*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Wikipedia, *Falsafah Pendidikan Kebangsaan* [online]. Diperoleh :
www.ms.wikipedia.com/Falsafah_Pendidikan_Kebangsaan [2 Februari 2010]

www.scribd.com/.../Falsafah-Pendidikan-Kebangsaan-Falsafah-Pendidikan-Negara [5
Februari 2010]

www.docstoc.com/docs/.../Falsafah-dan-Pendidikan-di-Malaysia [7 Februari]